

11/09/1998

Bekas TPM dinasihati usah guna media asing

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Wanita Umno meminta Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak menggunakan media asing untuk meluahkan rasa tidak puas hatinya di atas pelucutan jawatan beliau daripada Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam Umno.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata adalah tidak wajar Anwar beralih kepada media asing, seolah-olah media tempatan tidak memberi ruang kepadanya.

"Saya percaya tidak patut antara kita menggunakan media asing...kalau ada apa-apapun selesaikan dalam negara, seolah-olah media tempatan tidak beri ruang untuk Anwar," katanya pada sidang akhbar Ekspo Niaga '98, di pejabat Wanita Umno di sini hari ini.

Semalam, Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat, berkata beliau mengesyaki media asing berkomplot untuk menjatuhkan kerajaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan mengembar-gemburkan isu pelucutan jawatan Anwar.

Mohamed berkata, media asing nampaknya mempunyai agenda politik untuk memaksa reformasi di Malaysia bagi menggulingkan kerajaan.

Dr Siti Zaharah berkata, jika media asing terus membuat laporan seperti itu, rakyat perlulah menunjukkan sokongan dan perpaduan yang kukuh kerana pada akhirnya kita sendiri yang akan menghadapi serta menangani persoalan dalaman.

"Sebab itu, parti kena tegas dan stabil untuk mengendalikan semua situasi," katanya.

(END)